

## **SUKATAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)**

### **1. Matlamat Sukatan**

Untuk menentukan bahawa undang-undang dan peraturan mengenai kewangan dan perakaunan IPTA difahami dan diketahui penggunaannya dalam segala urusan harian. Pengetahuan ini penting bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pengurusan kewangan IPTA.

### **2. Tujuan Peperiksaan**

Untuk membolehkan Pembantu Tadbir dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) memiliki sijil bagi melayakkan mereka dibayar BITK RM80.00 sebulan.

### **3. Pegawai Yang Layak Menduduki Peperiksaan Ini**

Anggota yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan

### **4. Sukatan Peperiksaan**

Soalan-soalan yang akan ditanya kepada calon-calon adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-

- i. Pengurusan dan Kawalan Belanjawan
- ii. Pengurusan Kewangan Am
- iii. Pengurusan Terimaan
- iv. Pengurusan Perolehan
- v. Pengurusan Bayaran Emolumen
- vi. Pengurusan Pembayaran
- vii. Pengurusan Akaun
- viii. Pengurusan Aset dan Stor
- ix. Sistem Perakaunan Mikro

## **Bahan Rujukan**

- i. Akta Kolej dan Kolej Universiti (AUKU) dan Perlembagaan Universiti
- ii. Arahan Perbendaharaan
- iii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan terkini (yang berkaitan dengan kewangan)
- iv. Pekeliling dan Surat pekeliling Perkhidmatan (yang berkaitan dengan gaji dan elaun)
- v. Surat-surat pekeliling Bendahari IPTA
- vi. Perintah Am Bab B (Elaun-elaun) dan Bab G (Waktu Bekerja dan Elaun Lebih Masa)
- vii. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (yang berkaitan dengan Sistem Perakaunan Mikro)
- viii. Buku-buku asas berkenaan Perakaunan

Bentuk soalan : Objektif (Aneka pilihan – merangkumi teori dan kajian kes)

Jumlah soalan : 40 (Jawab semua)

Masa : 1 ½ jam

Markah : 40

Calon-calon tidak dibenarkan merujuk kepada apa-apa bahan rujukan.

### **5. Keputusan:-**

Lulus / kandas

### **6. Bahasa (soalan dan jawapan):-**

Bahasa Malaysia

**7. Permohonan Hendaklah Dikemukakan Kepada:**

Urusetia Peperiksaan BITK IPTA

Melalui: Bahagian Sumber Manusia (BSM) IPTA masing-masing

Bagi permohonan daripada Pembantu Tadbir dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah, Ketua Jabatan hendaklah mengesahkan anggota berkenaan sedang menerima BITK RM40.00 sebulan.

**8. Kekerapan Peperiksaan:**

Sekurang-kurangnya sekali setahun.

**9. Syarat-syarat Lain:**

Tertakluk kepada fasal 3 di atas, Pembantu Tadbir dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah dan telah memiliki sijil peperiksaan BITK tetapi tidak menerima BITK selama lima (5) tahun atau lebih secara berterusan, perlu menduduki semula dan memperolehi sijil peperiksaan ini sebelum layak dibayar BITK RM80.00 sebulan.